



Jawatankuasa Kecil Syariah membentangkan seminar yang bertajuk

## ISU-ISU BERKAITAN HIBAH AMANAH DAN HIBAH HARTA BERCAGAR

**Tarikh: 7 Nov 2024 (Khamis)**

**Masa: 2:00 petang - 5:00 petang**

(Pendaftaran akan bermula pada 1:30 petang)

Tempat: Penang Bar Auditorium

No. 4 Green Hall, 10200 Penang

**Yuran Pendaftaran:**

Peguam/Peguam Syarie - RM 70.00

Pelatih dalam Kamar - RM 40.00

Orang Awam - RM 130.00

**DAFTAR DI SINI**

### SPEAKER



**Tuan Haji Mukhtar Bin Abdullah** ialah seorang peguam Sivil dan Syarie dan merupakan salah seorang rakan kongsi di Tetuan Zamani Mohammad & Co., serta mempunyai kelulusan Ijazah Undang undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1991.

Beliau sering dijemput sebagai penceramah bagi siri seminar yang dianjurkan oleh Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri negeri di bawah program Pembangunan Profesional Berterusan (Continuing Professional Development ("CPD")). Di samping itu, beliau turut diundang memberikan ceramah kepada badan badan bukan kerajaan di Semenanjung Malaysia dan Sabah, terutamanya dalam isu berkaitan hak hak wanita di bawah undang undang keluarga Islam dan perancangan harta melalui hibah, harta sepencarian dan wasiat, serta penyelesaian harta selepas kematian.

Tambahan pula, beliau mempunyai pengalaman selama 28 tahun dalam bidang Undang undang Sivil dan Syariah, dan beliau ialah mantan Pengerusi Persatuan Peguam Syarie Terengganu ("PPST"). Kini, beliau berperanan sebagai penasihat kepada PPST dan ahli dalam Jawatankuasa Undang undang Syariah Majlis Peguam.

Setakat ini beliau telah menghasilkan tiga belas 13 buah buku untuk rujukan para peguam, pelajar jurusan Syariah dan juga sesuai untuk orang awam.

# PENGENALAN

Dewasa ini, pembahagian harta pusaka sering menjadi permasalahan rumit sekiranya tidak dirancang dengan baik ketika hayat dikandung badan.

Seminar ini akan membincangkan topik-topik berikut:

- Definisi dan Konsep Hibah Amanah dan Hibah Harta Bercagar
- Bentuk Pelaksanaan dan Kelebihannya
- Isu-isu Perundangan yang berkaitan dan Cadangan untuk penambahbaikan dari sudut Syariah dan Konvensional
- Rujukan Kes di Mahkamah Syariah
- Garis Panduan di Peringkat Pendaftaran di Pejabat Tanah Selaras dengan Peruntukan Undang-Undang dan Hukum Syarak terhadap Perintah Hibah daripada Mahkamah Syariah.

- 
- Pendaftaran akan ditutup pada jam **12:00 tengah hari, 6 Nov 2024 (Rabu)**. Sila ambil perhatian bahawa tiada pendaftaran tambahan akan diterima sebaik sahaja tarikh tutup telah berlalu, atau jika seminar penuh. Pembatalan mesti dibuat secara bertulis. Tiada bayaran balik untuk pembatalan yang dibuat selepas 31 Oct 2024 (Khamis) tetapi penggantian dibenarkan.
  - Penganjur berhak untuk mengubah suai, membatalkan atau menangguhkan acara, sekiranya keadaan timbul yang menyebabkan tindakan sedemikian perlu.
  - Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila e-mel kepada kami di [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org).

**Issued by:**

**Sharifah Nur Hanim Binti Syed Hamid**

**Chairman**

**Syariah Subcommittee**